

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.11.2015

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan semula had '*threshold*' jumlah jualan GST dinaikkan dari RM500,000 kepada RM2 juta setahun. Apakah sebabnya rebat GST yang dijanjikan untuk dikembalikan dalam masa 2 minggu tidak dilaksanakan. Apakah jumlah tunggakan rebat GST tersebut dan balasan kepada peniaga atas kelewatan ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula paras *threshold* nilai jualan tahunan sebanyak RM500,000 yang telah ditetapkan. Berdasarkan *threshold* ini, sehingga 25

Oktober 2015, sebanyak 392,382 syarikat telah berdaftar secara mandatori manakala sebanyak 101,651 syarikat telah berdaftar secara sukarela. Paras *threshold* ini telah mengambil kira keupayaan saiz perniagaan untuk mematuhi peraturan GST. Sekiranya ditingkatkan ke *threshold* yang lebih tinggi, lebih banyak syarikat yang akan terkeluar dari liputan GST.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara punca kelewatan pulang balik adalah seperti berikut:

- i. syarikat menghantar borang dalam tempoh bercukai yang salah;
- ii. borang GST-03 salah diisi atau tidak lengkap;
- iii. maklumat bank tidak lengkap;
- iv. maklumbalas yang lambat oleh pihak syarikat apabila dikuiiri oleh pihak JKDM bagi tujuan verifikasi; dan
- v. tuntutan yang diragui.

Bagi tempoh 1 April hingga 31 Ogos 2015, jumlah cukai input yang dituntut adalah sebanyak RM8.7 bilion manakala jumlah yang telah dibayar adalah sebanyak RM5.6bilion. Amaun selebihnya adalah masih dalam proses pulang balik. Bagi bulan Julai 2015, sebanyak 41.6% permohonan telah diproses dalam tempoh 14 hari bekerja, 53.8%

permohonan telah diproses dalam tempoh 28 hari bekerja dan baki 4.6%
permohonan diproses melebihi tempoh 30 hari bekerja.